

23/07/1999

Kemudahan SSB tidak dimanfaatkan

Hassan Ahmad

SINTOK, Khamis - Cuepacs mendedahkan ramai ketua dan kakitangan awam tidak menikmati kemudahan kerajaan kerana mereka tidak faham dan jahil mengenai kandungan buku Skim Saraan Baru (SSB) yang diperkenalkan pada 1992.

Buku itu diwujudkan sebagai garis panduan bagi membolehkan kakitangan awam berubah dan menjadi tenaga kerja berdisiplin dengan menikmati kenaikan gaji tegak atau melintang setiap tahun.

Presidennya, N Siva Subramaniam, berkata sebagai contoh, rawatan perubatan bukan saja untuk kakitangan tetapi membabitkan anak, isteri dan ibu bapa malah jika berlaku kematian waris boleh menuntut RM1,000.

"Tetapi kerana jahil dan tidak faham, mereka tidak menuntut dan menikmati kemudahan yang sedia ada itu," katanya.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Kesatuan Kakitangan Am (Keska) Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini, beliau berkata, Cuepacs tidak menentang SSB tetapi membantah sistem metrik yang membolehkan ketua jabatan memberi markah mengenai prestasi kakitangannya setiap tahun,

Siva berkata, melalui sistem metrik, ramai kakitangan menjadi mangsa kerana ketua jabatan tidak menggunakan kaedah terbaik dalam menentukan prestasi seseorang.

"Paling malang apabila ada majikan yang menggunakan kaedah itu untuk membalas dendam kepada kakitangan yang tidak disukainya," katanya.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja Profesion Perguruan Kebangsaan (NUTP), bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sistem pendidikan negara perlu perubahan radikal kerana kebanyakan mata pelajaran tidak sesuai dengan keperluan negara bagi menghadapi cabaran era teknologi dan alaf mendatang.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, satu suruhanjaya khas harus ditubuhkan untuk mengkaji perubahan yang perlu dilakukan bagi menggantikan sistem pendidikan lapuk lebih dinamik.

Katanya, suruhanjaya itu boleh diketuai universiti tempatan dan mengambil kira cadangan daripada masyarakat serta pertubuhan sukarela.

Siva berkata, sistem yang ada sekarang dipenuhi pelbagai masalah walaupun jumlah pelajar yang mendapat gred satu dalam peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) meningkat setiap tahun.

"Dengan adanya suruhanjaya itu, mereka terbabit boleh mengkaji kedudukan kecemerlangan pendidikan di negara ini yang semakin malap.

"Malah, suruhanjaya itu perlu mendapatkan formula untuk menseimbangkan kecemerlangan pelajar bandar dan luar bandar berbanding sebelum ini pelajar luar bandar jauh ketinggalan," katanya.

Beliau berkata, langkah itu juga bagi menangani kemerosotan disiplin dan pembabitan pelajar dalam pengambilan rokok dan penyalahgunaan dadah.

(END)